



BARISAN pelakon filem *The Dadah Connection*.

Adekan silat dalam filem antarabangsa

SILAT, seni mempertahankan diri masyarakat Melayu berpeluang untuk dikenali di peringkat antarabangsa apabila ia diselitkan dalam filem *The Dadah Connection* terbitan Sunny Film yang menggandingkan pelakon Steve Tartalia dari Amerika Syarikat dengan Jacinta Lee dari Malaysia.

FILM & BERCERITA

Turut berlakon Alexander Ho (Taiwan) dan dua pelakon tempatan, Shahrudin Thamy dan J D Khalid.

Seni silat yang digunakan dalam filem itu ialah Silat Harimau Berantai yang diketuai oleh Razak Maidin.

Penerbitnya, Sunny P H Lim berkata penggambaran itu dibuat di beberapa lokasi menarik sekitar negara ini.

"Idea asal saya ingin membuat penggambarannya di Amerika Syarikat kerana Sunny Film beribu pejabat di Hollywood. Akhirnya, saya mengambil keputusan untuk membuatnya di sini.

"Tujuannya untuk mengenalkan Malaysia sebagai destinasi penggambaran filem di kalangan pembikin filem di Hollywood," kata Sunny yang ditemui dalam majlis pelancaran filem itu, oleh Timbalan Menteri Penerangan, Encik Railey Haji Jeffrey, Rabu lalu.

Kata Sunny, inilah masa paling tepat bagi pembikin filem itu kerana mengikut rancangan, filem itu akan ditayangkan di Pesta Pasaran Filem Amerika, di Los Angeles, Februari depan dan Pesta Filem Cannes.

"Langkah kami menjadikan negara ini sebagai lokasi utama ber-

tepatan dengan hasrat kami untuk mengenalkan lagi negara sempena Tahun Melawat Malaysia 1990," katanya.

Sementara itu, pengarah filem *The Dadah Connection*, **Toby Russel** adalah anak kepada pengarah filem British terkenal, Ken Russel.

26 DEC 1989

Ketika ditemui di majlis itu, Russel berkata dia banyak belajar daripada ayahnya tetapi tidak bermakna dia mengikut gaya dan corak pengarahannya.

"Saya mula didedah kepada filem pada usia yang masih muda. Ketika berusia tiga tahun, ayah mengambil saya berlakon dalam filem *The Billion Dollar Brain* (lakonan Michael Caine). Sehingga pada usia 16 tahun, saya mula mengembangkan bakat di bidang lain apabila menjadi pembantu penyelia pakaian dalam filem *Yanks* (lakonan Richard Gere)," katanya. **B. Harlan (M)**

Pada tahun 80-an, Russel ke timur jauh apabila dia bekerja di Hong Kong dan Taiwan serta pernah berlakon dalam enam filem Cina termasuk *Aces Go Places 4*.

The Dadah Connection adalah filem cereka pertama arahnya dan dia berazam untuk menjadikannya sebagai filem aksi yang berjaya.

Menurut Russel, penggambaran filem itu bermula 23 Disember dan antara lokasinya termasuk Melaka, Pulau Pinang dan Padang Besar. Kebanyakan tenaga produksinya adalah karyawan tempatan.

Filem itu mengisahkan Nick Masters yang tidak boleh melupakan negara Malaysia. Ketika me-

lawat Pulau Pinang, dia diminta membantu ejen Amerika Syarikat dan tempatan menyiasat pembunuhan berkaitan pengedaran dadah.

Dengan bantuan Jacintha, mereka mendapat tahu Alex Chan adalah orang penting yang mengawal pengedaran dadah dari Thailand ke Amerika Syarikat. Untuk menghapuskan sindiket Alex bukanlah sesuatu yang mudah.

Steve Tartalia adalah bintang baru yang sedang meningkat naik di Hollywood dan antara filemnya ialah *The Last Dragon* (lakonan Taimak dan Vanity) serta pernah muncul dalam siri TV, *The Equilizer*.

"Sebelum berlakon saya menjadi peragawan dan pernah menghiasi majalah seperti *GQ* dan iklan komersil di kaca TV Amerika Syarikat," kata pelakon berusia 29 tahun itu.

Meminati dan cekap dalam pelbagai jenis seni mempertahankan diri, Tartalia lebih dikenali sebagai stuntman yang menjadi ahli Stunt Union Association of America.

"Stunt dan seni mempertahankan diri banyak membantu saya untuk berlakon dalam filem aski," katanya.

Alexander Lo pula pernah menjadi jaguh bina badan dan taekwando peringkat kebangsaan di Taiwan, sebelum memasuki bidang lakonan. Pernah berlakon dalam 20 filem Hong Kong.

"Filem *The Dadah Connection* adalah penampilan pertama saya dalam filem Inggeris di peringkat antarabangsa," jelasnya.